



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

KERJASAMA KKSBB DAN PSIS DUKUNG TVET POLYCC DAERAH SABAK BERNAM

SABAK BERNAM, 23 APRIL 2025 – Kerjasama antara Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSBB) dan Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) memainkan peranan yang cukup hebat dalam Karnival Pendidikan dan Kerjaya Sabak Bernam yang julung kali diadakan di Daerah Sabak Bernam, semalam.

Kerjasama ini adalah cerminan dalam memperkasa Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) sebagai penyedia institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di negara ini sekaligus di dalam daerah ini.

Seruan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam sebagai penganjur utama karnival ini adalah sebagai satu inisiatif untuk memberi pendedahan menyeluruh mengenai peluang pendidikan dan kerjaya kepada anak-anak di Daerah Sabak Bernam.

Pegawai Daerah Sabak Bernam Ali Sadikin Sadin dalam ucapan perasmian penutupan menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada jawatankuasa pelaksana program atas kejayaan merealisasikan idea pelaksanaan karnival ini.

“Saya hanya mencetuskan idea ini dan disambut baik oleh Pengarah Kolej Komuniti Sabak Bernam, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana,” ujarnya.

“Saya berharap karnival ini akan dapat diteruskan lagi dengan skala yang lebih besar dan menjadi acara tahunan di daerah ini,” sambung beliau.

Selain Kolej Komuniti Sabak Bernam dan Politeknik Sultan Idris Shah, karnival ini turut melibatkan beberapa agensi dan institusi pendidikan yang lain antaranya, Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Sungai Besar, GIATMARA Sabak Bernam, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Kolej Tingkatan Enam Tunku Abdul Rahman Putra (KiSTARP) dan banyak lagi.

Karnival ini telah berjaya menarik perhatian lebih 700 pengunjung terdiri daripada pelajar-pelajar dan komuniti setempat. Sebanyak 16 reruai pameran dijalankan di dalam Dewan Seri Bernam, Sungai Besar dengan pengisian program yang sangat menarik perhatian para pengunjung.

Karnival ini turut dimeriahkan dengan forum “Mana Hala Tuju Anak Muda Sabak Bernam” melibatkan tiga panel daripada institusi pendidikan berlainan iaitu Khairul Hafizi Md Arrif pengusaha keropok lekor dan popia sata dari Syarikat KH Niaga (Mokla Food) yang juga merupakan Alumni Kolej Komuniti Sabak Bernam, wakil pelajar dari Politeknik Sultan Idris Shah dan wakil pelajar dari MRSM Sungai Besar. Sementara moderator Guru Bimbingan dan Kaunseling SMK Sungai Besar, Abdul Muiez Mohammad Ruslee, merupakan Edufluencer KPM dan KPT.

Demonstrasi penyediaan “Chocolate Milk and Nuts Barks” oleh Unit Teknologi Pemprosesan Makanan Kolej Komuniti Sabak Bernam sebagai pembuka karnival telah berjaya menarik minat pengunjung untuk memenuhi ruang tempat duduk yang disediakan.

Para pelajar dan pengunjung juga diberikan pendedahan berkaitan pendidikan keselamatan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kuala Selangor dan berpeluang mendapat topi keledar percuma.

Perkongsian pembiayaan pendidikan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan perkongsian permohonan pengajian pendidikan tinggi oleh Unit Pengambilan Universiti (UPU) turut mengisi agenda karnival.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
013-5227517**

pautan akses gambar:

<https://drive.google.com/drive/folders/1L8G2Srr3ssq9ivGVD6ZRhmkgcCp9oWQM?usp=sharing>